

MESYUARAT AGUNG WISMA BINTARA INSKEP

 airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/4427-mesyuarat-agung-wisma-bintara-inskep

TANJUNG BUNGAH, 23 Jan 19 - Wisma Bintara Institut Kepimpinan dan Pengurusan INSKEP, Pulau Pinang telah mengadakan Mesyuarat Agung Wisma Bintara. Turut hadir Pegawai Memerintah INSKEP, Lt Kol Nurul Amir bin Othman TUDM dan Pegawai Penjaga Wisma Bintara Mej Nur Ain binti Mohd Nasir TUDM.

Selain merasmikan AGM Wisma Bintara 2019, Pegawai Memerintah telah melantik PW U II Mohd Azeli bin Mihat sebagai ‘Chairman Mess Committee’ dan PW U II Mohd Zainuri bin Ahmad pula telah dilantik sebagai Bendahari Wisma Bintara INSKEP bagi tahun 2019. Diharapkan aktiviti-aktiviti Wisma Bintara INSKEP 2019 akan terus menjadi satu wadah pengukuhan ukhuwah dan pemupukan sahsiah TUDM bagi ahli-ahli wisma.



